

25 November 2017

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).

DISKAUN BIL AIR “PULAU PINANG BANGKIT” AKAN DIPAPARKAN DALAM BIL MASA DEPAN, BERMULA JANUARI 2018

- **Diskaun untuk penggunaan air November 2017 tidak dilihat pada bil air semasa yang dikeluarkan oleh pembaca meter secara serta-merta di premis pelanggan.**
- **Diskaun akan dapat dilihat dalam bil-bil air bulan-bulan akan datang kerana sistem I.T. PBAPP perlu buat pengiraan diskaun bagi setiap pengguna individu.**
- **Terdapat kitaran pengebilan yang berbeza untuk 589,797 pengguna berdaftar di Pulau Pinang.**
- **Bergantung kepada kitaran pengebilan air, diskaun akan ditunjukkan dalam bil bertarikh Januari – Mac 2018.**

PULAU PINANG, Sabtu (25/11/2017): Diskaun bil bekalan air “Pulau Pinang Bangkit” Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) akan ditunjukkan dalam bil-bil air Pulau Pinang bertarikh Januari – Mac 2018.

Terdapat 589,797 pengguna air berdaftar di Pulau Pinang. PBAPP perlu mengira penggunaan setiap pengguna individu sebelum mendapatkan jumlah yang betul untuk diberi diskaun.

Sila ambil perhatian bahawa kitaran bil untuk pelbagai kumpulan dan kategori pengguna air di Pulau Pinang adalah berbeza. Contohnya, kitaran pengebilan untuk pengguna domestik adalah dua bulan (sekali setiap 2 bulan), manakala kitaran bil untuk pengguna perniagaan ada yang secara bulanan atau setiap dua bulan.

Selain itu, meter air kumpulan pengguna yang berlainan yang terletak di pelbagai kawasan di Pulau Pinang dibaca oleh pembaca meter air PBAPP pada masa yang berbeza.

Oleh itu, pengguna yang berbeza menerima bil air mereka pada masa yang berlainan.

Sehubungan itu, diskaun hanya akan dipaparkan dalam bil masa depan seperti berikut:

<i>Kategori Pengguna</i>	<i>Diskaun Air (%)</i>	<i>Diskaun WCS</i>	<i>Bacaan Meter</i>	<i>Bulan Diskaun Bil akan Dikreditkan</i>
Domestik (Dua bulan)	50%	100%	Okt – Nov 2017	Feb 2018
			Nov – Dec 2017	Mac 2018
Perniagaan (Dua bulan)	25%	NA	Okt – Nov 2017	Feb 2018
			Nov – Dec 2017	Mac 2018
Perniagaan (bulanan)	25%	NA	Nov 2017	Jan 2018
			Dis 2017	Feb 2018

Sila maklum bahawa diskaun bil air "Pulau Pinang Bangkit" PBAPP akan dijana secara automatik dan dicetak pada bil air PBAPP. Orang ramai tidak perlu memohon diskaun. Kami memohon maaf di atas sebarang kesulitan yang berlaku.

Terima kasih.

Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my